

Analisis Program Orientasi Minggu Mesra Mahasiswa 2018
(*Analysis of Student Orientation Week Programme 2018*)

MOHD SUZEREN MD JAMIL*, ROSLEE RAJIKAN, NOOR ALAUDIN ABDUL WAHAB,
SHAHRUL NAZMI SANNUSI & MUHAMMAD HAMIDUDDIN SAAT

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isi kandungan program orientasi pelajar baharu dalam Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) UKM 2018. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti respon pelajar bagi setiap program orientasi yang dilaksanakan dan bagaimana kesannya dalam menyediakan pelajar dengan pelbagai maklumat yang diperlukan. Ia bertujuan untuk membantu pihak pengurusan universiti dalam meningkatkan kualiti program yang akan dijalankan pada masa hadapan. Dapatan kajian membuktikan bahawa program orientasi yang telah dijalankan menunjukkan respon yang amat baik dengan lebih 90% purata tahap kepuasan responden dapat dilihat, namun terdapat juga kelemahan yang memerlukan penambahbaikan.

Kata kunci: Orientasi; Minggu Mesra Mahasiswa; Keberkesanan

ABSTRACT

This study aims to analyse the contents of orientation programme in UKM Student Orientation Week (MMM) 2018. The main objective of this study is to identify student respond with the implementation on each orientation programme and how its effect the student preparation with all the information that is needed. Its aim to provide guidance to university authority in improving the quality of programme for the future. The result proved that the existing orientation programme which have been implemented shows a good respond with respondent feedback more than 95% of average level of satisfactory can be seen, with some weakness that can be improved.

Keywords: Orientation; Student Orientation Week; Effectiveness

PENGENALAN

Minggu Mesra Mahasiswa merupakan program tahunan bagi menyambut dan menyiapkan pelajar-pelajar baharu yang telah berjaya mendapat tempat bagi pembelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program orientasi ini biasanya dijalankan selama lebih kurang seminggu dengan program-program susulan yang dirancang. Pelajar yang baru memasuki alam universiti ini pastinya akan mengalami suatu pengalaman dan perubahan kepada persekitaran yang baru. Secara amnya, perubahan persekitaran pasti terjadi dalam kehidupan setiap seseorang yang mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor. Atas tujuan pembelajaran, pelajar baharu sanggup untuk meninggalkan keselesaan bagi menempuh suatu cabaran yang baru dalam usaha untuk mencari ilmu demi menjamin masa depan yang lebih baik. Perubahan terhadap persekitaran di tempat baru ini memerlukan mereka untuk menyesuaikan diri. Keupayaan menyesuaikan diri dalam alam universiti serta persekitaran dan keperluan yang baru akan memberi kesan secara mental dan fizikal yang kemudiannya akan menentukan prestasi akademik mereka.

Penyesuaian merujuk kepada satu proses dinamik yang menuju ke arah pencapaian dengan kesepadanan yang sesuai antara seorang individu dengan persekitarannya (Ramsay et al. 2007). Peralihan ke tahap pendidikan tinggi adalah satu tempoh di mana kehidupan seseorang akan mengalami perubahan gaya, komitmen serta kecenderungan fizikal dan jasmani; dan proses ini memerlukan penyesuaian. (Shankland et al. 2010). Tempoh peralihan kepada kehidupan di kolej atau universiti mewakili perpisahan daripada cara hidup dan norma yang berhubung dengan pengalaman lepas. Shankland et al. (2010) menyatakan bahawa kualiti penyesuaian boleh diukur dengan ciri-ciri seperti kesejahteraan hidup secara fizikal, ketahanan mental serta keputusan akademik yang baik. Penyesuaian yang berjaya bermakna seseorang boleh berintegrasi secara sosial dengan pelajar lain, melibatkan diri dalam aktiviti kampus, memenuhi keperluan akademik dan komited kepada institusi pendidikan (Zea et al. 1995). Sebaliknya, kegagalan menyesuaikan diri dengan persekitaran baru akan merumitkan kehidupan lantas menghambat perkembangan mental dan akademik para pelajar (Wang et al. 2006).

Melalui konteks saintifik, konsep 'cara, gaya dan tindakan' adalah strategi kesedaran bersifat kognitif dan tingkah laku yang digunakan oleh individu ketika menghadapi kejadian tertekan (Halamandaris & Power, 1999). Konsep 'cara, gaya dan tindakan' juga adalah satu proses di mana individu cuba menguruskan

sesuatu tuntutan bersandarkan kepada sumber yang dimiliki dalam situasi yang tertekan (Sarafino, 1998). Heszen-Niejodek (1997) menyatakan 'cara, gaya dan tindakan' adalah stabil dan berbeza bagi setiap individu dalam menangani tekanan dan ia dikategorikan sebagai ciri-ciri personaliti. Seperti tingkah laku lain, 'cara, gaya dan tindakan' juga adalah hasil daripada proses pembelajaran. Kajian-kajian lepas telah membahagikan perihal 'cara, gaya dan tindakan' kepada dua dimensi iaitu berdasarkan '*fokus kepada masalah*' dan juga '*fokus kepada emosi*' yang juga *berkaitan rapat terhadap konsep yang berorientasikan tugas* atau *masyarakat* (Endler dan Parker, 1990). Konsep '*fokus kepada masalah*' adalah usaha yang dilakukan dalam menyelesaikan masalah melalui pelbagai cara seperti mendalami permasalahan menerusi pencarian maklumat, membuat satu senarai keutamaan tentang masalah yang perlu diselesaikan dan menggunakan pengalaman lepas serta mendapatkan nasihat (Sarafino, 1998). Konsep '*fokus kepada emosi*' pula adalah 'cara, gaya dan tindakan' yang mengaturkan respon emosi terhadap masalah daripada perspektif positif (Halamandaris & Power, 1999). Program-program yang dirancang sepanjang MMM adalah untuk memberikan sebanyak mungkin maklumat kepada pelajar daripada pelbagai aspek seperti maklumat pembelajaran, penginapan dan pengurusan kewangan atau biasiswa. Pelajar juga didedahkan dengan cara perhubungan/komunikasi sesama mereka serta pengurusan emosi dan kawalan melalui interaksi dan kaunseling (jika diperlukan). Semua ini adalah untuk meningkatkan kebolehan konsep cara gaya dan tindak bagi penyelesaian pelbagai masalah yang berkaitan.


Statistik menunjukkan bahawa pengambilan bagi pelajar baharu UKM untuk setiap sesi pengajian adalah antara 4000 sehingga 4300 orang berdasarkan rekod tahun 2015 hingga 2018 (Perangkaan Pengajian Tinggi 2018). Walaupun jumlah ini agak besar, pelajar akan dikelaskan pula mengikut 13 fakulti dan berpuluh-puluh program pengajian yang berbeza dan ini memerlukan penyampaian dan pemerolehan maklumat yang pelbagai kepada pelajar baharu ini. Penempatan di 12 kolej kediaman yang berbeza juga memberikan cabaran yang tertentu. Mungkinkah pelajar baharu ini mendapat maklumat-maklumat penting bagi memulakan penyesuaiannya di fakulti dan kolej kediaman? Sejauh mana pelajar disediakan dengan pengetahuan akan kemudahan-kemudahan yang ada dan keperluan-keperluan yang diperlukan untuk memudahkan pembelajaran dan kehidupan harian mereka? Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti respon pelajar bagi setiap program orientasi yang dilaksanakan dan bagaimana

kesannya dalam menyediakan pelajar dengan pelbagai maklumat yang diperlukan.

PROGRAM ORIENTASI MMM

Minggu Mesra Mahaiswa atau MMM merupakan acara bagi menyambut, mendaftar, memperkenalkan dan mempersiapkan pelajar baharu UKM terhadap cabaran yang akan dihadapi sepanjang pengajian mereka nanti. Namun begitu, MMM yang berlangsung selama seminggu ini merupakan acara atau majlis yang amat padat dengan pelbagai pergerakan, aktiviti dan penyampaian maklumat. Pelajar dibekalkan dengan jadual serta perjalanan program-program dalam MMM melalui penggunaan aplikasi mudah alih 'MESRA@UKM' bagi membantu pelajar dan meningkatkan kelancaran MMM sempena pendaftaran pelajar baru sesi akademik

2018/2019 (Rajah 1). UKM mengambil seramai 3,653 pelajar baru untuk 13 buah fakulti di UKM Bangi, UKM Kampus Kuala Lumpur dan Perubatan UKM di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. Pelbagai program telah dirancang sepanjang MMM 2018 seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1. Terdapat program yang mewajibkan semua pelajar untuk terlibat seperti program ikrar atau yang melibatkan pengenalan dan penerangan akademik di fakulti. MMM juga kini bercorak fleksibel dan mesra pelajar. Terdapat juga aktiviti di mana pelajar boleh memilih program yang ingin disertainya yang berteraskan domain kepimpinan, sukan, kesukarelawanan, kebudayaan, inovasi, alam sekitar atau keusahawanan. Satu bentuk kajian secara komprehensif perlu dibuat berdasarkan maklumbalas responden (pelajar) untuk memastikan pelaksanaan program orientasi ini dapat memberikan impak dan kebaikan yang menyeluruh kepada pelajar.



RAJAH 1. Ilustrasi Muka Hadapan Aplikasi MESRA@UKM yang Mengandungi Pelbagai Informasi Termasuk Jadual MMM

Jadual 1. Jadual Program Minggu Mesra Mahasiswa 2018

Tarikh/ Masa	5.00 pg – 7.00 pg	7.00 pg – 8.00 pg	8.00 pagi - 12.30 tengahari		12.30 tengahari - 4.30 petang	4.30 ptg –7.00 mlm	7.00 mlm -8.30 mlm	8.30 malam - 10.30 malam
AHAD 2.9.2018	Persediaan Diri		Pendaftaran Pelajar *(Kecuali pelajar dari Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Putrajaya dan WP KL) (FAKULTI)		Pendaftaran Pelajar *(Hanya pelajar dari Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Putrajaya dan WP KL) (FAKULTI)	Taklimat Kolej Kediaman		'Malam Ramah Mesra' (Aktiviti di Kolej Kediaman)
ISNIN 3.9.2018	Solat / Tazkirah Subuh / Ceramah Moral (Kolej)	Sarapan	9.00 pagi – 12.30 tengahari	12.30 tghri – 2.30 ptg	2.30 petang – 4.30 petang	Karnival Sukan MMM / Aktiviti Kebudayaan	Solat dan Makan Malam	DOMAIN 07 Kepimpinan di Kolej Kediaman
SELASA 4.9.2018			3M @ Fakulti bersama Alumni (Fakulti masing-masing)	Makan Tengahari bersama Dekan (FAKULTI)	3M @ Fakulti bersama Alumni (Fakulti masing-masing)			
RABU 5.9.2018			01 Kesukarelawanan 02 Keusahawanan 03 Inovasi 04 Hijau/Kelestarian 05 Kebudayaan 06 Sukan	Solat, Rehat dan Makan Tengahari	01 Kesukarelawanan 02 Keusahawanan 03 Inovasi 04 Hijau/Kelestarian 05 Kebudayaan 06 Sukan			
KHAMIS 6.9.2018			01 Kesukarelawanan 02 Keusahawanan 03 Inovasi 04 Hijau/Kelestarian 05 Kebudayaan 06 Sukan		01 Kesukarelawanan 02 Keusahawanan 03 Inovasi 04 Hijau/Kelestarian 05 Kebudayaan 06 Sukan			
8.00 pagi - 10.30 pagi			10.30 pagi - 1.00 pagi		2.30 petang – 7.00 petang			
	Bicara Tuntas Bicara NC (DTAMS)	Majlis Ikrar (DTAMS)	Aktiviti di kolej kediaman		Tahil Kesyukur dan Kemerdekaan (Masjid UKM) Ceramah Kerohanian & Kenegaraan (DTAMS)			

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti respon pelajar baharu bagi program orientasi tertentu yang dilaksanakan sepanjang Minggu Mesra Mahasiswa UKM untuk sesi pengajian tahun 2018/2019. Respon pelajar ini dipecahkan melalui setiap program-program orientasi tertentu bagi mendapatkan lebih pemahaman terhadap setiap slot program yang berbeza tersebut. Kajian ini menjawab semua persoalan atau objektif kajian yang telah ditetapkan pada pengakhiran MMM yang telah dijalankan.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian tinjauan menggunakan soal selidik yang membenarkan pengkaji mengumpul data yang terperinci daripada populasi yang dipanggil sampel. Pengagihan soal selidik dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Cua (2006) menyatakan kelebihan kajian tinjauan adalah ia lebih menyeluruh berkaitan permasalahan yang dikaji, pengumpulan data yang lebih cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, dalam masa yang singkat dan mampu membuat kesimpulan bagi suatu populasi kajian. Selain itu, keputusan yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang agak tinggi. Kajian ini melibatkan 1258 orang pelajar baharu UKM bagi sesi pengajian 2018/2019. Instrumen soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan demografi responden seperti jantina, bangsa, kelulusan akademik dan lain-lain. Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan program-program yang dijalankan sepanjang MMM. Bahagian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4 dan 5 yang meminta responden-responden menyatakan kekuatan pendapat mereka (daripada sangat tidak bersetuju kepada sangat

bersetuju) terhadap item-item yang dikemukakan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian 'Statistikal Package for the social science' (SPSS) bagi memperolehi dapatan kajian yang tepat, mudah dan mampu menjawab segala persoalan kajian yang dijalankan pengkaji. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat demografi sampel kajian seperti jantina, bangsa, kelulusan akademik dan lain-lain data bagi menghuraikan dan menjawab persoalan kajian.

Jadual 2 menunjukkan demografi pelajar Baharu UKM sebagai responden untuk taburan terhadap jantina dan bangsa. Berdasarkan bilangan responden seramai 1258 orang, bilangan pelajar perempuan dilihat dominan dengan 74.7% berbanding 25.3% untuk lelaki. Taburan mengikut bangsa pula menunjukkan 77.6% untuk melayu diikuti sebanyak 12.5, 5.3, 3.3 dan 0.9 % untuk cina, india, bumiputera sabah dan serawak serta lain-lain bangsa. Jadual 3 menunjukkan agihan atau taburan responden (pelajar baharu) mengikut aliran atau fakulti pengajian. Sebanyak 13 fakulti telah menawarkan 3653 kekosongan penempatan pengajian kepada pelajar; dengan fakulti besar seperti FKAB, FST, FSSK dan FSK menawarkan lebih tawaran berbanding fakulti yang lebih kecil seperti FGG dan Ffar. Ini berpadanan dengan bilangan responden yang telah terlibat atau yang telah mengisi soal selidik ini yang sebahagian besarnya adalah daripada fakulti berkenaan. Taburan responden (pelajar baharu) mengikut kolej-kolej kediaman pula ditunjukkan dalam Jadual 4. Pelajar ditempatkan mengikut kolej kediaman berdasarkan kekosongan yang ditawarkan. Kolej-kolej yang besar seperti KPZ dan KTSN menunjukkan jumlah responden yang lebih ramai berbanding kolej yang lebih kecil kapasitinya seperti KRK dan KAB.

JADUAL 2. Demografi Responden Pelajar

		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	318	25.3
	Perempuan	938	74.7
Bangsa	Melayu	975	77.6
	India	67	5.3
	Cina	157	12.5
	Bumiputera Sabah dan Serawak	41	3.3
	Lain-lain	16	0.9

JADUAL 3. Taburan Pelajar (Responden) Mengikut Aliran/Fakulti Pengajian

Fakulti	Bilangan responden	Peratus (%)
Fakulti Pengajian Islam (FPI)	154	12.3
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK)	129	10.3
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan (FEP)	46	3.7
Fakulti Sains Dan Teknologi (FST)	119	9.5
Fakulti Pendidikan (FPEND)	22	1.8
Fakulti Citra UKM	33	2.6
Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina (FKAB)	185	14.7
Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat (FTSM)	64	5.1
Fakulti Undang – Undang (FUU)	97	7.7
Fakulti Perubatan (Fper)	55	4.4
Fakulti Sains Kesihatan (FSK)	271	21.6
Fakulti Farmasi (Ffar)	39	3.1
Fakulti Pergigian (FGG)	42	3.3


JADUAL 4. Taburan Pelajar Mengikut Kolej Kediaman

Penempatan	Bilangan responden	Peratus (%)
Kolej Pendeta Zaaba (KPZ)	400	31.8
Kolej Burhanuddin Helmi (KBH)	86	6.8
Kolej Ibrahim Yaakob (KIY)	-	-
Kolej Ungku Omar (KUO)	-	-
Kolej Aminuddin Baki (KAB)	44	3.5
Kolej Dato Onn (KDO)	133	1
Kolej Tun Hussin Onn (KTHO)	232	18.5
Kolej Rahim Kajai (KRK)	29	2.3
Kolej Keris Mas (KKM)	48	3.8
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	55	4.4
Kolej Tun Syed Nasir (KTSN)	349	27.8


Bahagian berikutnya adalah berdasarkan kepada penggunaan skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4 dan 5 terhadap soalan atau item-item yang dikemukakan. Rajah 2 menunjukkan keputusan terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan proses pendaftaran pelajar baharu semasa MMM. Lebih 90% orang responden memberikan keputusan yang positif (level 4 dan 5) terhadap pernyataan/soalan yang berkaitan dengan proses pendaftaran seperti tahap kemesraan dan keefisienan yang ditunjukkan semasa pendaftaran di fakulti dan kolej kediaman. Rajah 3 menunjukkan skor respon terhadap program pementoran di mana pensyarah ditindikkan dengan pelajar baharu

sebulan sebelum bermulanya MMM untuk membantu mereka khususnya dalam hal penyampaian maklumat yang berkaitan sebelum dan semasa MMM. Skor antara 85-90% diberikan oleh responden untuk level yang baik (level 4 dan 5) untuk pernyataan bahawa konsep pementoran ini meningkatkan keyakinan diri, membantu dalam pemerolehan maklumat program pengajian serta kebanyakan mentor dilihat mesra pelajar. Namun sedikit penurunan terhadap tahap kepuasan responden (antara 75-80%) dilihat untuk pernyataan terhadap mentor membantu proses penyampaian maklumat serta terhadap pernyataan bahawa mentor membantu pelajar sebelum dan sewaktu MMM.

RAJAH 2. Respon terhadap Proses Pendaftaran Pelajar Baharu




RAJAH 3. Respon terhadap Program Pementoran




Rajah 4 pula menunjukkan skor respon antara 85-95% (level 4 dan 5) pada kesemua pernyataan berkaitan program 7 domain. Semua purata skor ini adalah untuk pernyataan seperti program domain ini meningkatkan kemahiran dan minat baru, domain memberikan kemahiran yang diperlukan, membantu memfokuskan terhadap satu domain sepanjang pengajian nanti serta pernyataan bahawa domain merupakan satu inovasi yang baik dan mesra pelajar. Walaupun skor yang baik diperolehi, terdapat sedikit penurunan untuk pernyataan

bahawa domain sedia ada ini tergolong dengan salah satu minat sedia/asal pelajar. Respon terhadap program sukan ditunjukkan dalam Rajah 5. Skor respon terhadap tahap kepuasan (level 4 dan 5) yang baik disekitar 90% ditunjukkan untuk semua pernyataan seperti program ini menyediakan platform untuk interaksi bersama pelajar dan pengurusan, mengenalpasti bakat baru serta pernyataan bahwa program ini memberikan peluang untuk mengenali rakan baru dengan minat yang sama.

RAJAH 4. Respon terhadap Pogram Mengikut 7 Domain yang Berbeza




RAJAH 5. Respon terhadap Program Sukan



Terdapat penurunan terhadap skor responden bagi tahap kepuasan untuk pernyataan berkaitan program kebudayaan; dengan skor antara 75-85% (level 4 dan 5) (Rajah 6). Pengurangan skor respon yang paling

terjadi adalah untuk pernyataan bahawa program ini mengurangkan tekanan semasa MMM serta pernyataan bahawa program ini menyediakan platform untuk berinteraksi bersama pengurusan tertinggi.


RAJAH 6. Respon terhadap Program Kebudayaan




Skor respon terhadap program yang dijalankan dipenghujung MMM adalah melibatkan program bicara tuntas dan bacaan ikrar mahasiswa seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7 dan 8. Skor yang lebih rendah antara 75-90 dilihat dalam Rajah 7 berbanding

skor antara 95% untuk pernyataan pada Rajah 8. Antara pernyataan dengan skor yang rendah adalah program tuntas meningkatkan motivasi pelajar dan pernyataan bahawa program ini memberikan input sejarah, visi dan misi UKM.

RAJAH 7. Respon terhadap Program Bicara Tuntas



RAJAH 8. Respon terhadap Proses Ikrar Mahasiswa



PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Penemuan kajian menunjukkan banyak dapatan yang menarik bermula dengan demografi responden yang terdiri daripada pelajar baharu UKM. Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa majoriti responden adalah berbangsa melayu dengan 78% manakala perempuan mendominasi peratusan jantina sebanyak 75%. Trend ini adalah normal untuk kemasukan ke Universiti Awam (UA) namun ianya bukan menjadi masalah kerana kebanyakan program orientasi ini bukanlah berdasarkan jantina mahupun bangsa. Jadual 3 dan 4 pula menunjukkan taburan responden (pelajar baharu) secara rawak ke 13 buah fakulti dan 10 kolej kediaman yang terdapat di dalam UKM mengikut kuota pengambilan bagi setiap fakulti dan kolej. Maklumat ini menunjukkan bahawa responden yang mengisi maklumat ini terdiri daripada pelbagai latarbelakang bangsa, jantina dan aliran pendidikan yang merangkumi sains tulen dan sains sosial; serta ditempatkan di kolej yang bercampur dengan program atau fakulti yang berlainan (Jadual 1, 3-4).

Berdasarkan maklumat responden daripada Rajah 2, dapat dirangkumkan bahawa proses pendaftaran samada di fakulti dan kolej berjalan dengan lancar dalam keadaan yang mesra terhadap pelajar khususnya. Program pementoran dijalankan buat kali pertama untuk MMM 2018 yang bertujuan untuk membantu pelajar seawal mereka menerima surat tawaran dan semasa pelajar berada dalam MMM di UKM. Berbanding dengan pernyataan yang lain, skor respon dilihat agak rendah (masih di sekitar 75-80% skor untuk level 4 dan 5) untuk program pementoran ini. Pensyarah (mentor) dilihat kurang membantu pelajar dan penyampaian maklumat juga dilihat tidak lancar. Pihak pengurusan dijangkakan perlu menyediakan dan menerangkan dengan lebih jelas fungsi kepada mentor bagi membantu pelajar dalam aspek yang telah ditentukan. Dengan penerangan serta taklimat yang

jasel, pelajar dapat berhubung secara langsung dengan mentornya untuk maklumat yang berkaitan khususnya yang berkaitan dengan perihal pengajian sebelum dan semasa MMM. Respon terhadap program mengikut 7 domain aktiviti tertentu ditunjukkan pada Rajah 4. Berbanding yang lain, skor untuk pernyataan bahawa domain aktiviti yang disediakan berpadanan dengan minat dilihat rendah. Dijangkakan bahawa agak sukar untuk menetapkan domain yang berpadanan dengan minat kesemua responden (pelajar) kerana skop aktiviti yang pelbagai atas kecenderungan aktiviti tertentu. Namun semua skor dilihat masih tinggi melebihi skor 80%. Seperti yang dijangka, purata skor sebanyak 90% dapat dilihat terhadap kesemua pernyataan bagi program sukan yang menunjukkan persetujuan yang baik (level 4 dan 5) terhadap aktiviti yang dijalankan ini (Rajah 5). Namun begitu, skor yang rendah (antara 75-80%) diberikan untuk beberapa pernyataan bagi program kebudayaan (Rajah 6). Tidak semua responden bersetuju bahawa program kebudayaan dapat mengurangkan tekanan atau merupakan platform yang terbaik untuk berinteraksi bersama pengurusan tertinggi. Dengan kepadatan program dalam MMM, ini mungkin menjadi punca yang boleh memberikan tekanan daripada segi fizikal dan mental kepada pelajar. Perancangan daripada segi pengurusan masa dan aktiviti perlu dilihat semula untuk mengimbangi komitmen pelajar baharu dengan aktiviti yang dijalankan untuk impak yang maksimum.

Rajah 7 menunjukkan skor responden terhadap program bicara tuntas; dimana keputusannya adalah antara yang paling kurang mengalakkan. Terhadap beberapa pernyataan yang menunjukkan skor disekitar 70% berbanding pernyataan terhadap program yang lain. Cara pendekatan dan pengisian yang berbeza perlu difikirkan jika program ini masih perlu diteruskan semasa MMM untuk menarik minat, memotivasikan, menonjolkan kejayaan duta pelajar atau untuk menyampaikan maklumat tertentu kepada pelajar baharu. Namun begitu, pelajar baharu dilihat amat

berpuas hati terhadap semua pernyataan untuk program ikrar mahasiswa yang merupakan acara kemuncak bagi MMM 2018.

RUMUSAN

Keseluruhannya, skor yang ditunjukkan untuk hampir kesemua pernyataan memberikan input yang amat baik dan ini menunjukkan kejayaan terhadap pelaksanaan program orientasi dalam MMM 2018. Namun begitu, terdapat beberapa program atau pernyataan yang perlu diberikan perhatian seperti program pementoran, bicara tuntas serta kebudayaan. Walaupun skor yang ditunjukkan masih agak baik (antara 70-80%), pihak pengurusan UKM perlu untuk melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kecekapan pelaksanaan MMM pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan diberikan kepada pengurusan tertinggi UKM melalui Pusat SISWA UKM, Fakulti dan Kolej kediaman serta kesemua pelajar baharu UKM bagi sesi pengajian 2018/2019. Tidak lupa juga penghargaan terhadap UKM melalui peruntukan geran *KRA-2018-032* untuk memastikan maklumbalas terhadap pelaksanaan program-program orientasi dalam MMM dapat dikenalpasti untuk rujukan pada masa hadapan.

Mohd Suzeren Md Jamil*
Pusat Bahan Termaju & Sumber Keterbaharuan (PBTSK)
Fakulti Sains & Teknologi
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.

Roslee Rajikan
Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Noor Alaudin Abdul Wahab, Shahrul Nazmi Sannusi & Muhammad Hamiduddin Saat
Pusat Hal Ehwal Pelajar
Aras 7, Bangunan PUSANIKA
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: suzeren@ukm.edu.my

Diserahkan: 2 Ogos 2019
Diterima: 2 Ogos 2019

RUJUKAN

- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGrawhill.
- Endler, N. S. & Parker, J. D. A. 1990. The multidimensional assessment of coping: A critical evaluation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 58(5), 844-854.
- Halamandaris, K. F. & Power, K. G. 1999. Individual differences, social support and coping with the examination stress: A study of the psychosocial and academic adjustment of first year home students. *Personality and Individual Differences*, 15, 554-574.
- Heszen-Niejodek, I. 1997. Coping style and its role in coping with stressful encounters. *European Psychologist*, 2(4), 342-351.
- Perangkaan Pengajian Tinggi. 2018. Institusi pengajian tinggi awam. http://www.mohe.gov.my/web-statistik/statistik_pdf_2018/.pdf [7 Mac 2018].
- Ramsay, S., Jones, E. & Barker, M. 2007. Relationship between adjustment and support types: young and mature-aged local and international first year university students. *Higher Education*, 54(2), 247-265.
- Sarafino, E. P. 1998. *Health psychology: biopsychosocial interactions*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Shankland, R., Genolini, C., Franca, L. R., Guelfi, J. D. & Ionescu, S. 2010. Student adjustment to higher education: the role of alternative educational pathways in coping with the demands of student life. *Higher Education*, 59, 353-366.
- Wang, A., Chen, L., Zhao, B. & Xu, Y. 2006. First-year students' psychological and behavior adaptation to college: the role of coping strategies and social support. *US-China Education Review*, 3(5), 51-57.
- Zea, M. C., Jarama, S. L. & Bianchi, F. T. 1995. Social support and psychosocial competence: explaining the adaptation to college of ethnically diverse students. *American Journal of Community Psychology*, 23(4), 509-531.